

PM enggan namakan negara kaya halang pelabur ke Malaysia

UM 3 AUG 2002

LANGKAWI 2 Ogos – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini enggan menamakan negara kaya yang menawarkan 200 juta dolar kepada sebuah pelabur untuk menghalangnya melabur di Malaysia.

Perdana Menteri juga enggan mengesahkan sama ada negara yang disebutkan dalam ucapan pembukaannya itu semalam, adalah sebuah negara jiran.

“Saya tidak (mahu) beri identiti negara itu,” katanya.

Ketika ditanya sekali lagi sama ada negara kaya yang dimaksudkannya itu ialah negara jiran, Perdana Menteri berkata : “Tidak tahu la”.

Perdana Menteri berkata demikian kepada wartawan sebelum memulakan sesi petang Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 (Global 2002), yang merangkumi Dialog Antarabangsa Langkawi

(LID), Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID) di sini.

Persoalan ini timbul apabila Dr. Mahathir mendedahkan perbuatan negara kaya itu yang menghalang pelaburan ke Malaysia dengan tawaran 200 juta dolar dan faedah lain kepada sebuah pelabur, ketika menyampaikan ucap utamanya semalam.

Beliau yang tidak menamakan negara kaya atau pelabur itu berkata, Malaysia tidak mampu untuk membuat tawaran sedemikian kepada mana-mana pelabur yang hendak melabur ke negara ini.

Dr. Mahathir membangkitkan perbuatan negara kaya itu ketika menyentuh mengenai kepinangan ekonomi moden atashama alobalisasi dan sikap berat sebelah mereka terhadap negara-negara membangun dan miskin.